



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

PENJAWAT AWAM SEBAGAI EJEN PERUBAHAN DAN CONTOH AMALAN BAIK KEPADA ANGGOTA MASYARAKAT UMUM DALAM MENJAGA KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Ogos 2019, PUTRAJAYA – Semua penjawat awam di negara ini disarankan untuk memainkan peranan sebagai ejen perubahan dan contoh amalan yang baik kepada anggota masyarakat umum dalam menjaga kelestarian alam sekitar.

Perkara ini dinyatakan dalam ucapan YBhg. Datuk Seri Borhan bin Dolah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) semasa merasmikan **Majlis Pelancaran Kempen “Hindari Plastik Sekali Guna”** Peringkat Kompleks C di Putrajaya yang berlangsung pada hari ini.

Beliau turut berkata, “Pembudayaan amalan menghindari plastik sekali guna bukan sahaja boleh dilakukan di pejabat, malah boleh dimulakan di rumah dan kejiiran masing-masing. Semoga satu hari nanti, **Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan boleh dijadikan sebagai model bandar Hindari Plastik Sekali Guna. Contoh dan amalan ini boleh disebarikan ke seluruh negara ke arah Malaysia bersih dan hijau**”.

Tambah beliau lagi, “Tanggungjawab memelihara alam sekitar tidak boleh diletakkan kepada pihak atau agensi tertentu, tetapi merupakan tanggungjawab bersama selaku rakyat Malaysia yang menginginkan kehidupan yang bersih dan lestari ”.

Kempen “Hindari Plastik Sekali Guna” ini adalah merupakan salah satu aktiviti yang telah digariskan pada Fasa 1 (bermula 2018 hingga 2021) dalam **Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018 hingga 2030 (Malaysia’s Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics, 2018-2030)** . Pelan hala tuju yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada Oktober 2018 ini merupakan satu pelan jangka panjang kerajaan yang dilaksanakan secara berfasa dalam menangani isu pencemaran sisa plastik sekali guna di Malaysia dan dengan visi *“Towards zero single-use plastics for a cleaner and healthier environment in Malaysia by 2030”*.

Penggunaan beg guna semula, bekas makanan dan minuman sendiri semasa membeli makanan di kafe, kedai runcit atau pasar tani hendaklah menjadi amalan dan dibudayakan kepada seluruh rakyat Malaysia.

MESTECC sebelum ini telah pun mengedarkan surat pekeliling kepada seluruh Kementerian, Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri bagi membudayakan amalan Hindari Plastik Sekali Guna.

- **TAMAT** -

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Normaizatulakmal Tujad
Pegawai Perhubungan Awam Kanan
Unit Komunikasi Korporat,
MESTECC
No. Tel: 03-88858299

Dikeluarkan pada 8 Ogos 2019, jam 4.00 petang.